

Ucapan Komandan Pada 11 Sept 06

1. Yang Berbahagia Komandan memulakan ucapan beliau dengan mengucapkan tahniah kepada semua anggota yang terlibat dalam menjayakan perbarisan tamat tauliah pegawai kadet baru-baru ini.
2. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada pasukan Tae Kwon Do ATMA yang telah berjaya dalam perlawanan Tae Kwon Do yang berlangsung di UIAM dan beliau mahukan ATMA menguasai semua sukan selain dapat memperkenalkan ATMA di mata umum.
3. Sempena kehadiran bulan puasa, Yang berbahagia Komandan mengucapkan selamat berpuasa kepada semua peringkat anggota dan beliau berharap ia akan menerapkan budaya positif.
4. Yang Berbahagia Komandan mengingatkan kepada semua pegawai kadet agar sentiasa menjaga tata tertib diri dan beliau nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi melakukan kesilapan adalah:
 - a. Tempat melakukan kesalahan.
 - b. Masa lakukan kesalahan.
 - c. Peluang.